



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

---

**KHAMIS, 21 MAC 2024**

**LAPORAN HARIAN**





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

21/3/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	<b>CITIZENSHIP LAW AMENDMENTS: NOBODY CARES ABOUT THE CHILDREN?</b>	
	<a href="https://www.sinardaily.my/article/216487/focus/deep-dive/citizenship-law-amendments-nobody-cares-about-the-children">https://www.sinardaily.my/article/216487/focus/deep-dive/citizenship-law-amendments-nobody-cares-about-the-children</a>	SINARDAILY.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	<b>KPWKM MAHU MENINGKATKAN POTENSI DAN HAK WANITA.</b>	
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=c01hhZcZnFs">https://www.youtube.com/watch?v=c01hhZcZnFs</a>	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
3	<b>KARNIVAL KERJAYA WANITA MYFUTUREJOBS PERKESO 2024 MANFAATKAN 712 INDIVIDU</b>	
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/karnival-kerjaya-wanita-myfuturejobs-perkeso-2024-manfaatkan-712-individu-463171">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/karnival-kerjaya-wanita-myfuturejobs-perkeso-2024-manfaatkan-712-individu-463171</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1225830/712-dapat-kerja-layak-temu-duga-kedua-karnival-kerjaya-wanita">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1225830/712-dapat-kerja-layak-temu-duga-kedua-karnival-kerjaya-wanita</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1072074/myfuturejobs-712-individu-layak-dapat-kerja-temu-duga">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1072074/myfuturejobs-712-individu-layak-dapat-kerja-temu-duga</a>	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	<b>MINTA SEDEKAH GUNA TONG OKSIGEN PULA</b>	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/655493/suara-sinar/analisis-sinar/minta-sedekah-guna-tong-oksigen-pula">https://www.sinarharian.com.my/article/655493/suara-sinar/analisis-sinar/minta-sedekah-guna-tong-oksigen-pula</a>	SINARHARIAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

21/3/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
5	<b>MENIPU CACAT KAKI TAPI ANEHNYA BOLEH LARI LAJU</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1072049/menipu-cacat-kaki-tapi-anehnya-boleh-lari-laju">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1072049/menipu-cacat-kaki-tapi-anehnya-boleh-lari-laju</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/03/20/lelaki-menyamar-oku-mengemis-depan-bank/">https://www.kosmo.com.my/2024/03/20/lelaki-menyamar-oku-mengemis-depan-bank/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/655566/edisi/kelantan/minta-maaf-lain-kali-tak-buat-dah">https://www.sinarharian.com.my/article/655566/edisi/kelantan/minta-maaf-lain-kali-tak-buat-dah</a>	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	<b>BAYI BARU LAHIR DIBUANG ATAS TANGGA</b>	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/03/20/bayi-baru-lahir-dibuang-atas-tangga/">https://www.kosmo.com.my/2024/03/20/bayi-baru-lahir-dibuang-atas-tangga/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/655658/berita/semasa/bayi-perempuan-baru-lahir-ditinggalkan-atas-tangga-pangsapuri">https://www.sinarharian.com.my/article/655658/berita/semasa/bayi-perempuan-baru-lahir-ditinggalkan-atas-tangga-pangsapuri</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/03/20/cops-on-the-hunt-for-suspects-in-baby-dumping-case-in-johor">https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/03/20/cops-on-the-hunt-for-suspects-in-baby-dumping-case-in-johor</a>	THESTAR.COM.MY
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1072072/bayi-masih-bertali-pusat-ditemukan-atas-tangga-pangsapuri">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1072072/bayi-masih-bertali-pusat-ditemukan-atas-tangga-pangsapuri</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/bayi-perempuan-ditemui-di-tangga-kondominum-taman-daya/">https://www.buletintv3.my/nasional/bayi-perempuan-ditemui-di-tangga-kondominum-taman-daya/</a>	BULETINTV3.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	<b>GENG PLASTIK HITAM TEMPAH TEH O AIS, PENIAGA KENA KOMPAUN</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1072184/geng-plastik-hitam-tempah-teh-o-ais-peniaga-kena-kompaun">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1072184/geng-plastik-hitam-tempah-teh-o-ais-peniaga-kena-kompaun</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/655664/berita/semasa/teh-o-beng-dalam-plastik-hitam">https://www.sinarharian.com.my/article/655664/berita/semasa/teh-o-beng-dalam-plastik-hitam</a>	SINARHARIAN.COM.MY



UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

21/3/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
8	<b>BAYI 3 BULAN MAUT SELEPAS 2 HARI HANTAR RUMAH PENGASUH</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1072206/bayi-3-bulan-maut-selepas-2-hari-hantar-rumah-pengasuh">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1072206/bayi-3-bulan-maut-selepas-2-hari-hantar-rumah-pengasuh</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bayi-tiga-bulan-maut-di-rumah-pengasuh-463151">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bayi-tiga-bulan-maut-di-rumah-pengasuh-463151</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/03/20/3-month-old-baby-dies-suddenly/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/03/20/3-month-old-baby-dies-suddenly/</a>	FREEMALYSIATODAY.COM
	<a href="https://thesun.my/local_news/three-month-old-baby-dies-at-babysitter-s-house-GF12241227">https://thesun.my/local_news/three-month-old-baby-dies-at-babysitter-s-house-GF12241227</a>	THESUN.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/655672/berita/semasa/bayi-tiga-bulan-meninggal-dunia-di-rumah-pengasuh">https://www.sinarharian.com.my/article/655672/berita/semasa/bayi-tiga-bulan-meninggal-dunia-di-rumah-pengasuh</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1226037/bayi-tiga-bulan-meninggal-dunia-di-rumah-pengasuh">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1226037/bayi-tiga-bulan-meninggal-dunia-di-rumah-pengasuh</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/03/20/bayi-perempuan-maut-di-rumah-pengasuh/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/03/20/bayi-perempuan-maut-di-rumah-pengasuh/</a>	FREEMALYSIATODAY.COM
	<a href="https://www.bernama.com/en/news.php?id=2281102">https://www.bernama.com/en/news.php?id=2281102</a>	BERNAMA.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
9	<b>12,000 KOTAK MAKANAN UNTUK PETUGAS KESELAMATAN DI SARAWAK SEMENA AIDILFITRI</b>	
	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2280951">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2280951</a>	BERNAMA.COM
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/03/20/swak-to-increase-raya-goodies-allocation-for-security-and-enforcement-agencies-in-2025-says-abang-johari">https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/03/20/swak-to-increase-raya-goodies-allocation-for-security-and-enforcement-agencies-in-2025-says-abang-johari</a>	THESTAR.COM.MY
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/03/20/11-agensi-penguatkuasaan-terima-sumbangsih-raya">https://www.utusanborneo.com.my/2024/03/20/11-agensi-penguatkuasaan-terima-sumbangsih-raya</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/03/20/kerajaan-sarawak-terus-beri-peruntukan-khas-bagi-program-sumbangsih-raya">https://www.utusanborneo.com.my/2024/03/20/kerajaan-sarawak-terus-beri-peruntukan-khas-bagi-program-sumbangsih-raya</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY



UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)


[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

21/3/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
10	<b>REDONE MOBILE BERKONGSI REZEKI DENGAN GOLONGAN GELANDANGAN.</b>	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/655647/video/redone-mobile-berkongsi-rezeki-dengan-golongan-gelandangan">https://www.sinarharian.com.my/article/655647/video/redone-mobile-berkongsi-rezeki-dengan-golongan-gelandangan</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=X25AEWHtOSU">https://www.youtube.com/watch?v=X25AEWHtOSU</a>	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
11	<b>CARWASH WORKER PLEADS NOT GUILTY TO RAPING MINOR</b>	
	<a href="https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/03/1028334/carwash-worker-pleads-not-guilty-raping-minor">https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/03/1028334/carwash-worker-pleads-not-guilty-raping-minor</a>	NST.COM.MY
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/03/1225893/suami-orang-dituduh-rogol-kenalan-tiktok-bawah-umur-mangsa-kini-hamil-8">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/03/1225893/suami-orang-dituduh-rogol-kenalan-tiktok-bawah-umur-mangsa-kini-hamil-8</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1072130/tukang-cuci-tak-mengaku-rogol-remaja-hingga-hamil">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1072130/tukang-cuci-tak-mengaku-rogol-remaja-hingga-hamil</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=7X2IVHX7tGE">https://www.youtube.com/watch?v=7X2IVHX7tGE</a>	YOUTUBE
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=xHl8EKswC10">https://www.youtube.com/watch?v=xHl8EKswC10</a>	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
12	<b>LELAKI MENGAKU TAK SALAH DAKWAAN SURUH BUDAK 6 TAHUN GIGIT KEMALUAN</b>	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/03/1225854/lelaki-mengaku-tak-salah-dakwa-suruh-budak-6-tahun-gigit-kemaluan">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/03/1225854/lelaki-mengaku-tak-salah-dakwa-suruh-budak-6-tahun-gigit-kemaluan</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.buletintv3.my/mahkamah/pengawal-keselamatan-didakwa-melakukan-amang-seksual-terhadap-budak-6-tahun/">https://www.buletintv3.my/mahkamah/pengawal-keselamatan-didakwa-melakukan-amang-seksual-terhadap-budak-6-tahun/</a>	BULETINTV3.MY
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=H6lO16OI9Gk">https://www.youtube.com/watch?v=H6lO16OI9Gk</a>	YOUTUBE
	<a href="https://www.myberitaterkini.com/2024/03/pengawal-disyaki-lakukan-amang-seksual.html">https://www.myberitaterkini.com/2024/03/pengawal-disyaki-lakukan-amang-seksual.html</a>	MYBERITATERKINI.COM
	<a href="https://malaysiagazette.com/2024/03/20/pengawal-keselamatan-suruh-budak-6-tahun-gigit-kemaluan-didakwa/">https://malaysiagazette.com/2024/03/20/pengawal-keselamatan-suruh-budak-6-tahun-gigit-kemaluan-didakwa/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM




# Citizenship Law Amendments: Nobody Cares About The Children?

From jeopardizing citizenship rights to creating a ripple effect of statelessness, these amendments have sparked widespread concern and debate across the nation.



By TASNIM LOKMAN  
20 Mar 2024 11:44am

[Follow](#)




In this episode of Deep Dive, Sinar Daily delves into the proposed amendments to the citizenship law, exploring their potential impact on the future of Malaysian citizens.

We shed light on their complexities and implications; from jeopardizing citizenship rights to creating a ripple effect of statelessness, these amendments have sparked widespread concern and debate across the nation.

This is what the experts, advocates and Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri had to say from the regressive nature of the amendments to the conflicts they may create within families and insights into the challenges ahead.

Stay informed, stay engaged, and join the conversation.



## Karnival Kerjaya Wanita MYFutureJobs Perkeso 2024 manfaatkan 712 individu

Astro Awani

Mac 20, 2024 15:33 MYT



*Karnival Kerjaya Wanita MYFutureJobs Perkeso 2024 menawarkan lebih 10,000 peluang pekerjaan daripada pelbagai industri termasuk RHB Bank, RHB Asset Management, PantangPlus, dan DHL Asia Pacific Shared Services. - Gambar Perkeso*

**KUALA LUMPUR:** Karnival Kerjaya Wanita MYFutureJobs Perkeso 2024: Tiada Yang Terpinggir berjaya membawa manfaat kepada seramai 712 individu dengan penempatan pekerjaan serta penganjuran temu duga kedua.

Karnival yang berlangsung dari 14 hingga 16 Mac di Kuala Lumpur Convention Center (KLCC) merupakan inisiatif sempena Sambutan Hari Wanita oleh Kementerian Sumber Manusia (Kesuma), seiring dengan Hari Wanita Sedunia pada 8 Mac setiap tahun.

Lebih daripada 50 majikan turut mengambil tempat dalam karnival tersebut bagi menawarkan lebih 10,000 peluang pekerjaan daripada pelbagai industri termasuk RHB Bank, RHB Asset Management, PantangPlus, dan DHL Asia Pacific Shared Services.

"Hasil semakan Perkeso seramai 1,077 orang pencari kerja hadir ke karnival ini dengan 66 peratus yang hadir berjaya mendapat pekerjaan dan layak ke temu duga peringkat seterusnya dari majikan yang terlibat dalam karnival kerjaya ini," jelas Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) dalam satu kenyataan, di sini, hari ini.

Jelasnya, karnival ini dilihat berkesan dalam meningkatkan akses kepada peluang pekerjaan terutamanya untuk wanita, serta menyokong kesaksamaan jantina dalam tenaga kerja negara.

Penyertaan majikan yang menawarkan fleksibiliti waktu bekerja dan kemudahan lain termasuk pusat jagaan kanak-kanak menjanjikan ruang pembangunan karier yang lebih luas untuk wanita pada masa hadapan.

Dalam pada itu, salah seorang pencari kerja yang hadir, Balqis Ali, berkongsi kisah kejayaannya selepas mendapat pekerjaan sebagai In-House Therapist di PantangPlus, dan menggalakkan wanita lain untuk mendaftar di MYFutureJobs bagi merebut peluang serupa.

Terdahulu, Sambutan Hari Wanita Kesuma dan Karnival Kerjaya Wanita MYFutureJobs Perkeso 2024: Tiada Yang Terpinggir ini telah dirasmikan oleh Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong.

Hadir sama, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia, Datuk Seri Khairul Dzaimie Daud, Pengerusi Lembaga Perkeso, Datuk Seri Subahan Kamal dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Pekeso, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed pada 14 Mac lalu.

Perkeso menyeru pencari kerja yang sedang mencari pekerjaan untuk menyertai Karnival Kerjaya dengan mendaftar di <https://myfuturejobs.gov.my/careerfair/> atau layari <https://myfuturejobs.gov.my/> untuk carian pekerjaan secara atas talian.

Bagi majikan yang ingin menawarkan pekerjaan melalui portal MYFutureJobs, mereka juga boleh layari <https://myfuturejobs.gov.my/>.



## Minta sedekah guna tong oksigen pula

Oleh NUR FARHANA ABDUL MANAN

20 Mac 2024 07:45am Masa membaca: 4 minit



Warga asing yang tular meminta sedekah dengan bermodalakan sebuah tong oksigen ditemani seorang kanak-kanak.

**MACAM-macam** perangai dan taktik digunakan oleh pengemis untuk meraih simpati orang awam pada zaman sekarang.

Tidak kiralah sama ada orang tempatan atau warga asing, gaya mereka seolah-olah serupa sahaja.

Selain berpakaian lusuh, membawa bayi atau kanak-kanak, bertongkat, berpura-pura sakit dan jalan mengesot, ada juga dalam kalangan mereka yang berbaring sahaja di kaki lima berbekalkan sebuah mangkuk.

Terbaharu, Sinar Harian melaporkan tular gambar pengemis dipercayai warga asing bermodalakan tong silinder oksigen dan memakai topeng silikon kononnya menghidap penyakit lelah, meminta sedekah bersama seorang kanak-kanak di bazar Ramadan.

Menerusi perkongsian gambar itu di media sosial, netizen memaklumkan pernah terjumpa dua pengemis itu di lokasi berbeza.

Ini bermakna pengemis terbabit akan menukar lokasi bagi memudahkan kerjanya menagih simpati orang ramai.

Dipercayai tindakan itu juga bagi mengelakkan kegiatan mengemis mereka dihidu pihak berkuasa di satu-satu tempat yang sama selepas menerima laporan daripada orang ramai.

Mereka juga menggunakan modus operandi berbeza supaya orang ramai yang melihat akan berasa lebih kasihan dan simpati apatah lagi pada bulan Ramadan yang merupakan bulan umat Islam berlumba-lumba untuk bersedekah.

Ini baru bulan Ramadan, belum lagi masuk bulan Syawal yang dijangka jumlah pengemis bakal bertambah bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan.

Mereka akan mudah dilihat di bazar raya, berdekatan masjid atau surau dan juga tanah perkuburan.

Penulis masih ingat beberapa tahun lalu ketika sambutan Hari Raya Aidilfitri, penulis sendiri pernah berdepan pengalaman diserbu pengemis ketika menziarahi tanah perkuburan arwah bapa yang terletak di tengah-tengah ibu kota.

Ketika menuju ke pusara arwah, memang penulis ada nampak beberapa pengemis duduk di laluan masuk tetapi jumlahnya tidaklah ramai.

Terdetik niat dalam hati penulis untuk bersedekah kepada mereka selepas selesai mengunjungi pusara arwah bapa, datuk, nenek dan juga bapa saudara yang terletak berdekatan.

Namun sebaik sahaja penulis mengeluarkan duit daripada beg, tiba-tiba jumlah pengemis yang nampak macam sikit sebelum itu menjadi sangat ramai, mereka berkumpul mengelilingi penulis hingga menyesakkan keadaan.

Penulis berasa panik dan terus rasa ingin berlari keluar dari tanah perkuburan.

Mujurlah ketika itu, ada seorang lelaki mengeluarkan duit berkepek dan pandangan pengemis-pengemis tadi terus beralih kepadanya.

Kejadian itu memberi pengajaran dan pengalaman kepada penulis bahawa sedekah atau derma wajarlah diberikan di tempat yang seleyaknya.

Menyentuh harapan orang ramai yang mahu kegiatan pengemis dibasmi sepenuhnya, penulis yakin, bukannya tiada pemantauan pihak berwajib.

Malah setiap kali pihak berwajib melakukan operasi membanteras pengemis jalanan, ada sahaja yang dibongkar.

Di Maran, Pahang baru-baru ini, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) daerah mendedahkan seorang lelaki mampu meraih sehingga RM500 dalam tempoh beberapa jam hasil mengemis.

Bukan itu sahaja, lelaki berusia 54 tahun itu juga memiliki sebuah kenderaan Proton X70 Premium.

Semakan mendapati, lelaki berkenaan ada menerima elaun pekerja OKU daripada pihak JKM sebanyak RM450 sebulan namun mula diberhentikan bulan ini susulan penemuan mengejutkan itu.


Justeru, sebelum menderma atau bersedekah ingatlah nasihat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri.

Katanya, orang awam dinasihat agar menyemak latar belakang penerima sebelum menghulurkan bantuan atau sedekah terutama sepanjang bulan Ramadan.

Jangan biarkan sifat pemurah membuka peluang pengemis berada di jalanan.

Sedekah memang amalan yang mulia dan tidak salah untuk bersedekah tetapi bersedekahlah kepada orang dan di tempat yang betul.

*\* Nur Farhana Abdul Manan ialah Ketua Unit Editor Pengisian*



## Menipu cacat kaki tapi anehnya boleh lari laju

Siti Rohana Idris  
am@hmetro.com.my



Pengemis bertongkat berusia 36 tahun yang ditahan selepas didapati mengemis di kaki lima sebuah bank di Jalan Kebun Sultan, diusung pasukan penguatkuasa MPKB-BRI menaiki lori. FOTO SITI ROHANA IDRIS

Kota Bharu: Tampil menyamar sebagai orang kurang upaya (OKU) cacat fizikal untuk mengemis dan meraih simpati orang ramai sempena bulan Ramadan.

Bagaimanapun lelaki bertongkat itu pantas melarikan diri sebaik dihampiri petugas penguatkuasa yang menjalankan operasi Bersepadu Ramadan Siri 1 di sini, tadi.

Itu tindakan lelaki berusia 36 tahun yang mulanya dilihat duduk di kaki lima sebuah bank di Jalan Kebun Sultan di sini, sambil meminta sedekah.

Lelaki itu yang lari sejauh lebih 150 meter sambil memegang tongkat sokongan bagaimanapun berjaya ditangkap dan dihantar ke pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Lelaki terbabit dilihat menjerit dan meronta selain beberapa kali cuba meloloskan diri.

"Tolonglah, saya minta maaf, semula (lain kali) tak buat dah, nak selesai kat sini, saya tok sey (tak mahu) pergi.

"Bukannya selalu saya datang, kadang-kadang sahaja (mengemis)," katanya.

Lelaki yang berasal dari Kubang Kerian itu mendakwa mengalami kemalangan jalan raya tahun lalu menyebabkan sebelah kakinya sukar berjalan namun ketika diserbu pasukan penguatkuasa, dia mampu berlari laju.

Senario itu dapat dilihat ketika Operasi Bersepadu Ramadan Siri 1 yang dijalankan Majlis Perbandaran Kota Bharu - Bandaraya Islam (MPKB-BRI), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEIK), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Kelantan dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Operasi dipecahkan kepada dua pasukan membabitkan lokasi sekitar bandar Kota Bharu dan Kubang Kerian dan sepanjang tiga jam operasi dijalankan, seramai empat pengemis berjaya ditahan termasuk lelaki warga Thailand berusia 84 tahun.

Bermოდalkan jualan minyak panas di laluan pejalan kaki di Bazar Buloh Kubu, di sini, warga emas itu berkata, dia baru memasuki negara ini sejak seminggu lalu menggunakan pas sempadan.

"Saya berasal dari Narathiwat, Thailand dan masuk ke negara ini seorang diri untuk menjual minyak panas.

"Bagaimanapun ramai yang simpati. Walaupun tidak membeli jualan saya, mereka memberi sedekah," katanya sambil memberitahu pada waktu malam dia menumpang tidur di masjid berhampiran.



## Bayi baru lahir dibuang atas tangga

Oleh MOHD SHARKAWI LONDING 20 Mac 2024, 2:14 pm



SEORANG bayi ditemui masih bertali pusat dan kesan darah di anak tangga tingkat sembilan sebuah pangsapuri di Taman Sagu, Taman Daya, Johor Bahru, 11 Mac lalu.

JOHOR BAHRU – Nasib malang menimpa seorang bayi perempuan yang baharu dilahirkan apabila dia ditemui dibuang di anak tangga tingkat sembilan sebuah pangsapuri di Jalan Sagu, Taman Daya di sini.

Menurut seorang pengguna laman sosial, bayi yang masih bertali pusat dan memiliki kesan darah ditemui ahli keluarganya di tepi unit kediamannya pada 11 Mac lalu.


Katanya, keluarganya kemudian menghubungi polis serta Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi tindakan lanjut.

"KKM sudah membawa bayi itu dan saya tiada maklumat lanjut berkaitannya.

"Dia (pelaku) buang bayi perempuan itu tanpa pakaian atau berbalut (kain), dia letak di tangga," katanya menerusi perkongsian di Facebook (FB).

Difahamkan laporan polis dilakukan di Balai Polis Setiap Indah dan bayi berkenaan dalam keadaan sihat.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Johor Bahru Selatan, Asisten Komisioner Raub Selamat berkata, pihaknya menerima laporan pada 11 Mac lalu. – KOSMO! ONLINE



## Geng plastik hitam tempah teh o ais, peniaga kena kompaun

Siti Rohana Idris  
am@hmetro.com.my



Ketua Bahagian Penguatkuasa MPKB-BRI, Mohd Halimie Mat Salleh, menunjukkan plastik hitam yang mengandungi empat bungkus teh o ais yang dipesan pelanggan menerusi aplikasi Grab dan diterima oleh peniaga di Jalan Wakaf Stan. FOTO SITI ROHANA IDRIS

Kota Bharu: Seorang peniaga kedai makan di Jalan Wakaf Stan di sini memberi alasan tidak tahu urusan jual beli menerusi dalam talian tidak boleh dilakukan sebelum jam 3 petang pada Ramadan.

Empat bungkus teh o ais yang dipesan pelanggan menerusi aplikasi khidmat penghantaran makanan sudah siap diisi dalam plastik hitam dan hanya menunggu kedatangan penghantar sahaja.

Aktiviti itu dilakukan jam 12.30 tengah hari tadi dan sebaik pasukan penguatkuasa tiba, pemilik premis itu memberi alasan tidak tahu bahawa urusniaga secara bersemuka dan dalam talian tidak boleh dilakukan sebelum jam 3 petang.

"Saya menerima pesanan empat teh o ais dan nasi menerusi aplikasi dalam talian dan sebaik membuka kedai jam 10 pagi tadi, kami segera memproses lauk pauk termasuk menyiapkan pesanan pelanggan itu.

"Saya ingatkan tidak mengapa menjual makanan menerusi dalam talian walaupun kedai masih belum dibuka untuk jualan tapi rupanya salah.

"Kami hanya sempat membungkus air tersebut sahaja manakala nasi lauk ayam goreng yang dipesan tidak sempat disediakan," katanya ketika ditemui di sini, ketika Operasi Bersepadu Ramadan, hari ini.

Pesanan yang diterima menerusi aplikasi grab itu terpaksa dibatalkan manakala empat minuman tersebut dirampas pihak berkuasa.


Wanita berusia 50 tahun itu juga memberitahu pelanggan yang membuat tempahan adalah berbangsa Cina namun sebaik diperiksa ternyata individu itu adalah Melayu.

"Biasanya memang saya tidak menjual sebelum jam 3 petang dan hanya membuka kedai lebih awal untuk kerja memasak sahaja dan tidak sangka hari ini nasib kami malang," katanya yang sudah tiga tahun berniaga.

Wanita terbabit dikenakan kompaun di bawah Undang-undang Kecil Pelesenan Tred Perniagaan dan Perindustrian Majlis Perbandaran Kota Bharu - Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) 2019 atas kesalahan melanggar syarat lesen.

Operasi Bersepadu Ramadan hari ini membabitkan MPKB-BRI, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Kelantan dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Dalam operasi yang membabitkan sekitar pusat bandar dan Kubang Kerian itu, seramai lima pengemis termasuk seorang warga Thailand ditahan dan dirujuk kepada pihak JKMs.



## Bayi 3 bulan maut selepas 2 hari hantar rumah pengasuh

Samadi Ahmad  
am@hmetro.com.my



GAMBAR hiasan

Putrajaya: Seorang bayi perempuan berusia tiga bulan enam hari meninggal dunia di rumah pengasuhnya di Presint 15, Putrajaya, semalam.

Ketua Polis Daerah Putrajaya, Asisten Komisioner A Asmadi Abdul Aziz berkata, bayi berkenaan baharu dihantar dua hari ke rumah pengasuh tersebut.

Menurutnya, laporan diterima daripada Pegawai Perubatan Hospital Putrajaya pada jam 1.04 petang semalam.

"Pengadu menerima bayi berkenaan yang dibawa pengasuh pada jam 11.45 pagi, namun semasa tiba di zon merah, bayi berkenaan dalam keadaan tidak sedarkan diri.

"Pengasuh memaklumkan sudah melakukan bantuan pernafasan sejak dari rumah dan diteruskan di unit kecemasan selama 30 minit namun bayi itu tidak dapat diselamatkan dan disahkan meninggal dunia pada jam 12.16 tengahari," katanya ketika dihubungi.

Asmadi berkata, hasil pemeriksaan fizikal ke atas bayi itu tidak menemui sebarang kesan kecederaan justeru mangsa dirujuk ke Jabatan Forensik Hospital Putrajaya untuk bedah siasat hari ini.

Menurutnya, polis sudah merakam percakapan daripada kedua ibu bapa mangsa dan pengasuh.

"Bapa mangsa memaklumkan anaknya dihantar ke rumah pengasuh ketika hari kejadian dalam keadaan tidak sihat kerana mengalami batuk seminggu sebelum ini.

"Ibu mangsa pula memaklumkan bahawa Isnin lalu, anaknya sudah dihantar ke klinik di Presint 18 untuk pemeriksaan kesihatan.

"Doktor memberitahu bahawa keputusan X-Ray menunjukkan mangsa tidak mengalami sebarang masalah.

"Ibu bayi itu turut memaklumkan, doktor di klinik itu memberikan ubat batuk dan ubat gatal. Namun dia hanya memberikan ubat batuk kepada anaknya itu," katanya.

Asmadi berkata, rakaman percakapan pengasuh pula mendapati, dia menjaga empat kanak-kanak termasuk mangsa.

"Bayi berkenaan dihantar pada jam 8 pagi oleh ibunya dan berada dalam keadaan mengantuk.

"Mangsa dilihat tiada masalah namun mengalami batuk dan kemungkinan berkahak," katanya.

Menurutnya, selepas solat Dhuha, pengasuh menyedari mangsa berada dalam keadaan tidak sedarkan diri apabila mahu dikejutkan untuk menyusu.

"Pengasuh memberi bantuan pernafasan kepada mangsa namun mendapati terdapat sedikit darah keluar di hidung kiri bayi berkenaan.

"Pengasuh terus menghubungi talian kecemasan dan memaklumkan kepada ibu bapanya lalu membawa mangsa ke Hospital Putrajaya untuk mendapatkan rawatan.

"Difahamkan, pengasuh pernah mengikuti kelas bantuan pernafasan beberapa kali semasa bekerja di sebuah hotel sebelum ini.

"Kes diklasifikasikan sebagai mati mengejut (SDR) sehingga keputusan bedah siasat diperolehi," ujarnya.



TAJUK :	11 AGENSI PENGUATKUASAAN TERIMA SUMBANGSIH RAYA		
HARI :	KHAMIS	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	21 MAC 2024	M/SURAT :	03
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

# 11 agensi penguatkuasaan terima Sumbangsih Raya

12,000 unit sumbangsih berjumlah RM473,255 akan diagih kepada agensi penerima sempena Aidilfitri

Oleh Jessica Jawing

**KUCHING:** Sebanyak 11 agensi penguatkuasaan di Sarawak menerima Sumbangsih Raya pada tahun ini yang berjumlah RM473,255.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, pada tahun ini sebanyak 12,000 unit sumbangsih akan diagihkan kepada agensi penerima sempena Hari Raya Aidilfitri.

“Program Sumbangsih Raya 2024 (SR24) diadakan sebagai menzahirkan tanda keprihatinan, ingatan ikhlas serta penghargaan Kerajaan Sarawak terhadap pengorbanan anggota-anggota keselamatan dan penguatkuasaan yang bertugas pada hari lebaran nanti.

“Pada tahun ini, sebanyak 11 agensi penerima akan menerima 12,000 unit Sumbangsih Raya,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Simbolik Penyerahan Sumbangsih Raya 2024 yang disempurnakan Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg di Wisma Bapa Malaysia di sini, semalam.

Agensi penerima termasuk Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Jabatan Penjara Malaysia.

Selain, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan Unit Keselamatan dan Penguatkuasaan Sarawak (UKPS).



**PENGHARGAAN:** Fatimah menyampaikan cenderamata kepada Abang Johari sebagai tanda penghargaan selepas majlis. Turut kelihatan Juma'ani (tiga kiri) dan Dr Sim (kiri). — Gambar UKAS

“Program Sumbangsih Raya 2024 (SR24) diadakan sebagai menzahirkan tanda keprihatinan, ingatan ikhlas serta penghargaan Kerajaan Sarawak terhadap pengorbanan anggota-anggota keselamatan dan penguatkuasaan yang bertugas pada hari lebaran nanti.”

**Dato Sri Fatimah Abdullah**  
Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti

Fatimah berkata, Sumbangsih Raya kali ini menyediakan lima jenis barangan berupa makanan dan minuman iaitu serunding daging, kek buah, kacang botak, kad ucapan raya serta kopi dan teh (3-dalam-1).

“Selain itu, kita juga telah menyediakan kad ucapan hari raya sebagai tanda ingatan Kerajaan Sarawak kepada semua anggota yang bertugas pada hari lebaran nanti.

“Kementerian saya melalui Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak sentiasa berusaha mempertingkatkan kualiti dan kuantiti kotak sumbangsih dari setahun ke setahun,” katanya.

Beliau yakin dan per-

caya Sumbangsih Raya 2024 yang disediakan untuk anggota keselamatan dan penguatkuasaan memuaskan.

“Walaupun kecil tetapi membawa makna dan erti keikhlasan yang sangat besar bukan sahaja kepada penerima malah kepada semua pihak yang telah bertungkus-lumus terlibat secara langsung dan tidak langsung sepanjang tempoh penyediaan,” kata Fatimah.

Hadir sama isteri Abang Johari, Datuk Amar Juma'ani Tuanku Bujang, Timbalan Premier Sarawak Datuk Amar Dr Sim Kui Hian dan Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Amar Mohamad Abu Bakar Marzuki.



## 12,000 KOTAK MAKANAN UNTUK PETUGAS KESELAMATAN DI SARAWAK SEMPENA AIDILFITRI



Premier Sarawak Tan Sri Abang Johari Tun Openg (kanan) dan isteri Puan Sri Juma'ani Tuanku Bujang (dua, kanan) melihat sebahagian sumbangan Hari Raya untuk anggota-anggota keselamatan dan penguatkuasaan pada majlis penyerahan Sumbangsih Raya 2024 di Wisma Bapa Malaysia, hari ini. Turut hadir Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Sarawak, Datuk Seri Fatimah Abdullah (kiri).

20/03/2024 04:08 PM

KUCHING, 20 Mac (Bernama) -- Sejumlah 12,000 kotak sumbangan berbentuk makanan sempena Program Sumbangsih Raya 2024 (SR24) akan diagihkan kepada 11 agensi penguat kuasa yang bertugas di Sarawak pada sambutan Aidilfitri.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-kanak dan Kesejahteraan Komuniti Sarawak Datuk Seri Fatimah Abdullah berkata sumbangan itu adalah tanda keprihatinan serta penghargaan kerajaan negeri terhadap pengorbanan anggota keselamatan dan penguat kuasa yang bertugas.

"Sumbangsih Raya pada kali ini menyediakan lima jenis barangan makanan dan minuman iaitu serunding daging, kek buah, kacang botak serta kopi dan teh 3 dalam 1 untuk dinikmati oleh petugas semasa hari raya nanti.

"Selain itu kita juga telah menyediakan kad ucapan hari raya sebagai tanda ingatan kerajaan Sarawak kepada semua anggota yang bertugas pada hari lebaran," katanya ketika berucap pada Majlis Simbolik Penyerahan Sumbangsih Raya 2024 di Wisma Bapa Malaysia di sini hari ini.

Fatimah berkata tahun ini merupakan kali ke-34 negeri itu mengadakan Program Sumbangsih Raya yang mula diperkenalkan pada 1990 oleh Biro Wanita yang kini dikenali sebagai Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak.

"Sebelum ini dikenali sebagai Sejangkak Kasih dan program ini telah dilaksanakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak (JKMS) lebih 20 tahun dengan nama Sumbangan Sempena Hari Perayaan.

"Ia merupakan program utama JKMS yang dilaksanakan sempena perayaan penting di negeri ini seperti, Tahun Baru Cina, Aidilfitri, Hari Gawai Dayak, Deepavali dan Krismas bagi memberikan keceriaan serta kegembiraan kepada golongan sasaran dan klien JKMS pada musim perayaan," katanya.

Premier Sarawak Tan Sri Abang Johari Tun Openg ketika berucap pada majlis itu turut mencadangkan agar sumbangan tersebut ditambah dengan pek mi segera pada tahun akan datang bagi mempelbagaikan lagi pilihan makanan.



## redONE Mobile berkongsi rezeki dengan golongan gelandangan.

20 Mac 2024 | VIDEO [Follow](#)

redONE Mobile berkongsi rezeki dengan golongan gelandangan.


Untuk program Colours of Ramadan 2024, Alhamdulillah redONE Mobile menjejakkan kaki untuk menyantuni Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur bagi menceriakan Ramadan mereka.

Kali ini, team redONE Mobile dan Sinar Harian merewang bersama dalam menyediakan juadah berbuka puasa dengan kerjasama sukarelawan dari Warung Makan Sahabat.

Majlis disempurnakan dengan acara berbuka puasa bersama 200 orang gelandangan dengan kehadiran Ketua Pemasaran redONE Mobile, Jemay Naim, Rakan Niaga redONE Mobile, Ahmad Aizat, Pegawai Operasi Anjung Singgah, Yayasan Kebajikan Negara (YKN) Zon Tengah, Amir Rudin serta team redONE Mobile dan Sinar Harian. Terbukti program ini cukup menyentuh hati kerana masih ada syarikat korporat yang prihatin dengan kebajikan mereka.

Salam Ramadan daripada kami semua di redONE Mobile dan Sinar Harian.

Kredit muzik: Found by Ester, Lose In The Haze by Veace D & Taking Care by Indiebox dari Bensound



## Carwash worker pleads not guilty to raping minor

By Alias Abd Rani - March 20, 2024 @ 5:10pm



The accused is seen arriving at the court ahead of his trial. -NSTP/ALIAS ABD RANI

MUAR: A carwash worker pleaded not guilty to raping a minor at the Sessions Court here today (March 20).

Charges were read out to the accused, before judge Irwan Suainbon, according to Harian Metro.

The accused's victim is now eight months pregnant.

According to the first and second charges, the man was accused of raping a teenager who was 16 years old at the time at a commercial centre in Bukit Gambir at about 2pm, July last year.

He was charged under Section 376 (1) of the Penal Code, which provides for up to 20 years' jail and whipping for each charge.


The accused met the victim through TikTok, then invited her to his home where he allegedly raped her.

The victim's mother learnt about the rape after noticing physical changes in her daughter and asked her to tell the truth. Then the mother filed a police report.

The prosecution was led by deputy public prosecutor Nur Sulehan Abd Rahman. The accused was unrepresented.

The court granted bail of RM10,000 with one surety and set April 23 for the re-mention of the case.

The defendant was sent to the Muar Correctional Centre for failing to pay bail.



## Lelaki mengaku tak salah dakwaan suruh budak 6 tahun gigit kemaluan

Oleh Siti Aminah Mohd Yusof - Mac 20, 2024 @ 3:25pm  
bhnews@bh.com.my



Hafiz Aznan dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas pertuduhan melakukan amang seksual fizikal membabitkan kanak-kanak berusia enam tahun Ogos tahun lalu. - NSTP/AMINAH YUSOF

**BALIK PULAU:** Seorang pengawal keselamatan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas pertuduhan kes amang seksual fizikal terhadap seorang kanak-kanak perempuan pada Ogos tahun lalu.

Mohamad Hafiz Aznan, 30, membuat pengakuan itu sejurus pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Hakim, Ahzal Fariz Ahmad Khairuddin.

Berdasarkan pertuduhan, lelaki terbabit didakwa menyuruh kanak-kanak berkenaan yang ketika itu berusia enam tahun menggigit kemaluannya.

Kesalahan didakwa dilakukan di sebuah pondok pengawal di Taman Saujana Damai di Bayan Lepas pada 25 Ogos 2023, kira-kira jam 6.20 petang.

Pertuduhan dilakukan di bawah Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Lim Jin Hong, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Semasa prosiding, Jin Hong tidak menawarkan sebarang kadar jaminan terhadap tertuduh memandangkan kesalahan terbabit tidak boleh dijamin.

Mahkamah menetapkan 6 Mei ini sebagai tarikh sebutan semula kes dan lantikan peguam.



TAJUK :	YOUTH LEADER ACCUSED OF SEXUAL ABUSE OF TEENS		
HARI :	KHAMIS	AKHBAR :	THE STAR
TARIKH :	21 MAC 2024	M/SURAT :	03
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

## Youth leader accused of sexual abuse of teens

By REMAR NORDIN  
[remar.nordin@thestar.com.my](mailto:remar.nordin@thestar.com.my)

**MERSING:** Six male victims, including two brothers, have come forward to claim that a youth division leader of a political party had sexually abused them.

Police said the 36-year-old youth leader is expected to be released today after an order to remand him expires.

Mersing OCPD Supt Abdul Razak Abdullah Sani said police received five reports from the six male victims, who are between 15 and 21 years old.

"After the suspect was arrested, more victims have come forward.

"At present, six male victims, aged 15 to 21 years old, have lodged five police reports against the same suspect.

"He was placed under a three-day remand which ends today, and he will be released from police custody," he said in a statement.

He added that the suspect, who is a leader of the youth wing in the Mersing district, was investigated under Section 377C of the Penal Code for committing carnal intercourse against the order of nature without the victims' consent, which carries a maximum of 20 years in jail and whipping, if found guilty.

Police have thus far not revealed the identity of the suspect.

He urged members of the public not to speculate on the case which could disrupt the investigations and court proceedings.

He also encouraged those with more information on the case to contact the Mersing IPD Hotline at 07-799 6224.